

**PERSEPSI DAN PERMINTAAN PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTERA DI  
SARAWAK TERHADAP PENGAJIAN TINGGI**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**PROFESOR MADYA DR. JAMIL HAMALI  
DELILAH JUAN  
LOW KUEK LONG  
HO BOON HEONG  
MOHD. ZAMRI ABDUL RAHIM**

**FEBRUARI 2003**

## ISI KANDUNGAN

<b>Kandungan</b>	<b>Muka surat</b>
Tajuk	ii
Surat Penyerahan	iii
Senarai Nama Ahli-Ahli Projek	iv
Penghargaan	v
Kandungan	vi - vii
Senarai Jadual	viii - ix
Abstrak	x
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Latarbelakang Kajian	1
1.2 Struktur Pendidikan	2
1.3 Peningkatan Enrolmen	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	6
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	8
2.2 Tinjauan Kajian Antarabangsa	8
2.3 Kajian di Malaysia	11
2.4 Kesimpulan	14
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	15
3.2 Subjek Kajian	15
3.3 Instrumentasi	16
3.4 Prosedur	16
3.5 Analisa Data	17
3.6 Had-Had Tinjauan	17
<b>BAB 4 HASIL KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	18
4.2 Komposisi Responden di Setiap Sekolah	
4.2.1 Bilangan Responden Mengikut Jantina	18
4.2.2 Bilangan Responden Mengikut Aliran Pengajian	19
4.2.3 Bilangan Responden Mengikut Kaum	20
4.3 Latarbelakang Responden	
4.3.1 Tahap Pendidikan Bapa	20
4.3.2 Tahap Pendidikan Ibu	21
4.3.3 Pekerjaan Bapa	22

4.3.4 Pekerjaan Ibu	23
4.3.5 Pendapatan Bulanan Bapa	25
4.3.6 Pendapatan Bulanan Ibu	25
4.4 Pencapaian Akademik Responden	27
4.4.1 Prestasi Akademik Mengikut Sekolah	27
4.4.2 Pencapaian Mengikut Subjek Utama	28
4.5 Rancangan Responden Selepas Tamat SPM	29
4.5.1 Pencapaian Akademik Dan Rancangan Selepas Tamat SPM	30
4.5.2 Lokasi Sekolah Dan Rancangan Selepas Tamat SPM	32
4.5.3 Aliran Pengajian Dan Rancangan Selepas Tamat SPM	33
4.5.4 Perbezaan Jantina Dan Rancangan Selepas Tamat SPM	34
4.5.5 Pendapatan Bulanan Bapa Dan Rancangan Selepas Tamat SPM	35
4.5.6 Pekerjaan Bapa Dan Rancangan Selepas Tamat SPM	36
4.5.7 Tahap Pendidikan Bapa Dan Rancangan Selepas Tamat SPM	37
4.6 Pemilihan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) oleh Reseponden	38
4.7 Faktor-Faktor Penting Yang Mempengaruhi Pemilihan IPT	45
4.8 Faktor-Faktor Lain Yang Mempengaruhi Pemilihan IPT	47
4.8.1 Prestasi akademik	47
4.8.1.1 Prestasi akademik Dan IPT Pilihan Pertama	47
4.8.1.2 Prestasi akademik Dan IPT Pilihan Kedua	48
4.8.2 IPT Pilihan Pertama Dan Lokasi Sekolah	48
4.8.3 IPT Pilihan Pertama Dan Latarbelakang Responden	49
4.8.4 IPT Pilihan Kedua Dan Latarbelakang Responden	52
4.9 Bidang Pengajian Yang Ingin Diikuti di IPT	55
4.9.1 Hubungan Bidang Pengajian Dengan Prestasi Akademik	56
4.9.2 Hubungan Bidang Pengajian Dengan Aliran Pengajian	57
4.9.3 Hubungan Bidang Pengajian Dengan Lokasi Sekolah	58
4.9.4 Hubungan Bidang Pengajian Dengan Perbezaan Jantina	58
4.10 Kesimpulan	59
<b>BAB 5 CADANGAN KAJIAN</b>	
5.1 Objektif Kajian	61
5.2 Cadangan-cadangan	61
5.2.1 Memantapkan Persepsi Masyarakat	61
5.2.2 Pasaran, Lokasi Dan Program-Program UiTM Sarawak	62
5.3 Penutup	64

**BIBLIOGRAFI  
LAMPIRAN**

## **ABSTRAK**

Sejak tahun 1980-an, enrolmen ke institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia telah mencatatkan peningkatan yang amat pesat. Peningkatan dalam permintaan untuk pendidikan tinggi ini menunjukkan bahawa masyarakat semakin menyedari akan kepentingan pendidikan tinggi dalam menentukan status sosio-ekonomi masa depan anak-anak mereka.

Perkembangan pendidikan tinggi telah menarik minat para ahli akademik dan peggubal polisi kepada isu-isu yang menjadi penentu kepada permintaan untuk pendidikan tinggi. Sebagai sebuah institusi yang memainkan peranan utama dalam pendidikan tinggi anak-anak Bumiputera, UiTM perlu mengatur strategi bagi menjamin peluang mereka untuk mendapatkan pendidikan tinggi. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi pelajar-pelajar Bumiputera di Sarawak mengenai pendidikan tinggi, amnya dan UiTM, khasnya. Ianya juga bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menentukan pemilihan IPT oleh pelajar-pelajar Bumiputera di Sarawak.

Daripada kajian yang telah dijalankan, keputusan menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar-pelajar Bumiputera mempunyai aspirasi untuk menyambung pengajian ke IPT. Tambahan pula majoriti daripada mereka bercadang untuk melanjutkan pengajian ke UiTM. Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan IPT pelajar-pelajar Bumiputera juga dikenalpasti.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pendidikan telah sekian lama dianggap sebagai pelaburan yang penting dalam modal manusia. Pada zaman dahulu, tujuan pendidikan berkait rapat dengan penyebaran tradisi dan kebudayaan. Kemudian, fungsi pendidikan bertukar kepada menyediakan tenaga pekerja yang mampu menyesuaikan diri dalam alam perindustrian. Semua sumbangan ini terutamanya kepada pembangunan sosioekonomi dapat diberikan melalui membekalkan pekerja dengan kemahiran, pengetahuan, kebolehan dan sikap yang seterusnya akan menghasilkan kerja yang lebih produktif.

Selain daripada itu, pendidikan juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan politik. Di sekolah-sekolah, pelajar-pelajar disemaikan dengan nilai-nilai dan semangat nationalism. Di samping itu, pendidikan juga menyediakan batas yang sesuai untuk melahirkan ahli-ahli politik baru. Pendidikan juga boleh menghasilkan suatu suasana yang sesuai untuk proses pemodenan dan perlaksanaan sistem demokrasi yang lebih efektif.

Fungsi pendidikan di dalam pembangunan sosial juga sangat penting. Pendidikan menyediakan nilai-nilai murni sepunya untuk masyarakat berbilang kaum supaya masyarakat itu, tidak terlalu terkongkong dengan nilai-nilai tradisi yang mungkin akan menghalang atau melambatkan proses pembangunan.

Satu lagi peranan pendidikan yang penting ialah berkaitan dengan mobiliti (penghijrahan) sosial. Pendidikan terutamanya pendidikan tinggi memberikan peluang yang lebih baik untuk seseorang itu menceburi bidang pekerjaan dalam sektor moden dan ini seterusnya akan memperbaiki tahap pendapatan, darjat dan status mereka. Semua ini menunjukkan secara jelas